

## Bab 7

### Kesimpulan

Kajian ini ialah satu kajian mengenai budaya politik yang melihat budaya politik orang Melayu bandar selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO. Akibat pemecatan ini menyebabkan orang Melayu telah bangkit menzahirkan perasaan marah terhadap tindakan tersebut. Perasaan marah telah dizahirkan dalam bentuk penentangan yang berpanjangan terhadap kerajaan dan UMNO ketika itu. Kemuncak pada penentangan tersebut ialah peralihan sokongan dan perubahan pada keputusan pilihan raya umum 1999 yang menyaksikan perpindahan sokongan daripada UMNO (yang mewakili BN) kepada parti-parti pembangkang yang bergabung dalam satu pakatan yang dikenali sebagai Barisan Alternatif. Apakah manifestasi anjakan sokongan ini mempunyai asas-asas yang dapat dikesan pada budaya politik adalah menjadi tumpuan kajian ini

Tindakan orang Melayu 'meninggalkan' UMNO dan beralih sokongan kepada parti-parti pembangkang pada amnya merupakan manifestasi budaya politik mereka. Kajian ini mendedahkan beberapa nilai yang menjelaskan kenapa peralihan sokongan itu adalah sesuatu yang selari dengan sistem nilai masyarakat itu sendiri.

Fenomena anjakan sokongan ini didapati terjadi agak menyeluruh, bukan sahaja di kawasan yang dikaji - Shah Alam - malah di kawasan undi - kawasan undi yang mempunyai pengundi bermajoriti Melayu yang besar - 80% ke atas. Malah di negeri-negeri yang mempunyai pengundi Melayu melebihi 90% (seperti di Terengganu dan Kelantan) dapat disaksikan perubahan undi yang lebih jelas sehingga Terengganu sendiri

telah jatuh ke tangan seteru UMNO, PAS.

Perubahan undi yang ketara ini juga diperhatikan di bandar-bandar yang mempunyai pengundi Melayu yang ramai termasuk di pantai barat Semenanjung Malaysia dan secara khusus di kawasan kajian. Bandar raya Shah Alam sebagai sebuah bandar raya Melayu di pantai barat Semenanjung dipilih untuk dijadikan kes bagi melihat perubahan tadi. Perubahan tersebut dikaji dengan menggunakan pendekatan budaya. Nilai-nilai dalam budaya politik orang Melayu dapat dikenal pasti bagi mendapatkan gambaran kenapa orang Melayu, khususnya orang Melayu bandar, beralih sokongan daripada UMNO kepada parti pembangkang seperti PAS dan PKN, dan sekaligus menjawab persoalan yang hendak dikaji.

Kajian ini telah dapat membentangkan gagasan nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu bandar sebagai manifestasi budaya politik mereka. Nilai-nilai yang dibincangkan di sini sebahagiannya telah juga disentuh oleh sarjana lain dalam kajian dan tulisan mereka sebelum ini. Terdapat nilai yang diwarisi daripada zaman lampau yang memperlihatkan hubungan pemerintah-yang diperintah dalam konteks kepatuhan dan ketaatsetiaan terhadap mereka yang berkuasa. Malah ketaatsetiaan menjadi asas hubungan tersebut sepertimana telah ditekankan oleh sarjana seperti Chandra (1979), Milner (1982) dan Ariffin Omar (1993). Ia juga merupakan asas kepada amalan feudal sepertimana diutarakan oleh Alatas (1968) dan Shahrudin Maaruf (1984, 1988). Dalam kajian ini nilai ketaatsetiaan diberi tumpuan sebagai nilai yang mempunyai hubungan langsung dengan persoalan sokongan terhadap UMNO tadi. Bagaimana orang Melayu memahami nilai taatsetia boleh menjawab kenapa sokongan terhadap UMNO merosot.

Kajian ini mengesahkan bahawa sistem nilai mempunyai peranan yang penting dalam menentukan pilihan yang dibuat oleh pengundi Melayu dalam pilihan raya 1999. Namun kajian ini juga mendapati kefahaman yang tepat mengenai sesuatu nilai adalah amat penting bagi menjawab persoalan-persoalan yang berbangkit daripada tindakan yang dilakukan oleh orang Melayu dalam konteks politiknya seperti yang dizahirkan pada pilihan raya 1999 itu. Kefahaman yang tepat juga perlu bagi membentangkan budaya politik masyarakat tersebut. Apa yang dimaksudkan dengan kefahaman yang tepat mengenai nilai ialah memahami sejauh mana sesuatu nilai diutamakan, dan juga bagaimana nilai itu sendiri difahami oleh masyarakat yang berpegang padanya.

Kajian ini juga menegaskan bahawa budaya politik orang Melayu bandar yang dipaparkan tidak sekadar terhadap pilihan yang mereka buat dalam pilihan raya semata-mata, malah adalah lebih luas ruang lingkupnya, meliputi kesemua tindakan atau perilaku politik yang dizahirkan sepanjang krisis politik yang tercetus selepas pemecatan Anwar pada September 1998. Kesemua perilaku tersebut dapat disimpulkan sebagai menzahirkan perasaan marah terhadap tindakan ke atas Anwar. Ia adalah penjelmaan nilai-nilai yang dipegang. Kajian membuktikan bahawa proses penolakan UMNO adalah berpunca daripada tindakan pemecatan Anwar dan layanan buruk yang diberikan kepadanya seperti mencederakannya ketika dalam tahanan. Apa yang terjadi ke atas Anwar dilihat sebagai menyentuh sistem nilai masyarakat dan mengundang reaksi yang sewajarnya.

Bagi mengesahkan andaian ini tinjauan telah dijalankan di kawasan kajian disusuli pertemuan dengan beberapa individu yang berdasarkan latar belakang mereka,

dapat memberikan maklumat tambahan yang memperkukuhkan lagi hasil kajian. Maklum balas telah menunjukkan bahawa bukan sahaja nilai-nilai mempunyai peranan dalam menentukan pilihan dalam pilihan raya 1999, malah turut mempengaruhi tindakan-tindakan lain yang dikira sebagai sebahagian daripada proses penentangan yang dilakukan terhadap kerajaan dan UMNO.

Kajian ini menegaskan bahawa bukan sahaja nilai-nilai perlu dibentangkan tetapi yang lebih penting ialah mendapatkan maksud sebenar nilai-nilai tersebut. Ini kerana takrifan yang terdapat dalam kajian sebelum ini mungkin kurang tepat dalam menjelaskan maksud sesuatu nilai. Sebagai contoh nilai taatsetia sendiri yang digambarkan sebagai bersifat mutlak menurut Chandra (1979) didapati adalah relatif sifatnya. Oleh itu soal memberikan taatsetia terhadap kerajaan atau UMNO tidak berbangkit sebenarnya.

Bagi kajian ini, sebanyak sembilan nilai telah dikenal pasti iaitu tradisionalisme, ketaatsetiaan, hutang budi, keselesaan dan keperluan untuk kemajuan, aktivisme politik, agama, keadilan, UMNO perlu untuk keselamatan, perpaduan dan survival orang Melayu dan kepimpinan yang ideal. Nilai-nilai tersebut didapati berperanan dalam budaya politik orang Melayu. Bagi tujuan analisis nilai-nilai tersebut boleh digolongkan kepada dua gagasan yang berkisar pada dua nilai teras, iaitu UMNO diperlukan bagi keselamatan, perpaduan dan survival orang Melayu dan agama. Nilai-nilai yang berkisar pada nilai teras yang pertama di atas ialah tradisionalisme, taatsetia, hutang budi, dan keperluan kepada kemajuan dan keselesaan. Bagi nilai teras kedua pula, nilai-nilai yang berhubungkait dengannya pula ialah keadilan, aktivisme politik dan kepimpinan ideal. Penelitian terhadap dua set nilai ini turut menggambarkan tahap atau

bentuk sokongan terhadap parti pemerintah yang diwakili oleh UMNO itu.

Data yang dikumpul bukan sahaja memberikan penjelasan mengenai nilai malah turut memaparkan beberapa pola yang menarik. Pola-pola inilah yang menjadikan bukan sahaja persoalan anjakan sokongan lebih mudah dijawab, malah memperlihatkan trend yang agak umum yang boleh melakarkan masa depan politik orang Melayu khususnya dan politik Malaysia amnya walaupun lakaran tersebut tidak termasuk dalam tujuan kajian ini dan tidak dibincangkan di sini.

Pola-pola tersebut dikesan pada angkubah-angkubah seperti umur, tahap pendidikan, jantina dan jenis pekerjaan. Angkubah-angkubah lain - pendedahan kepada maklumat alternatif seperti yang terdapat pada internet dan akhbar alternatif di samping keahlian dalam parti politik - turut memaparkan pola-pola yang signifikan. Perbezaan-perbezaan yang diperhatikan antara angkubah (*inter-variables*) dan di dalam satu-satu angkubah (*within variables*) itu sendiri menjadi isyarat-isyarat penting yang menjelaskan persoalan-persoalan mengenai sokongan dan bangkangan terhadap parti-parti politik.

Kajian ini telah membuat andaian bahawa sokongan politik yang berpindah itu adalah kerana pengabaian terhadap nilai-nilai masyarakat yang telah diinstitusikan sekian lama. Apa yang dimaksudkan di sini ialah pelanggaran terhadap syarat yang terkandung pada sesetengah nilai itulah yang menyebabkan parti teras dalam pemerintahan, iaitu UMNO, hilang sokongan.

Ini bermakna bahawa orang Melayu lebih menitikberatkan syarat yang

terkandung dalam sesuatu nilai daripada nilai itu sendiri. Oleh itu nilai perlu sentiasa diperhatikan bersama dengan syaratnya, malah syarat kadang-kadang lebih diutamakan daripada nilai. Ini menjadikan nilai yang dipegang sebagai nilai yang relatif. Nilai adalah relatif kerana ia bergantung kepada syarat yang perlu dipenuhi. Oleh itu syarat pada nilai itu sendiri menjadikan nilai itu menjadi lemah dan relatif.

Dalam konteks kajian nilai-nilai yang berkisar pada UMNO seperti ketaatsetiaan, hutang budi, keperluan kepada kemajuan dan keselesaan dan kepentingan UMNO sebagai wadah menjamin keselamatan dan survival orang Melayu didapati telah mendapat kefahaman atau penafsiran baru. Nilai-nilai ini boleh juga dikatakan telah menjadi lemah dan yang lebih penting ialah ia telah menjadi relatif kepada persekitaran yang wujud. Di sini nilai-nilai ini tidak lagi ditekankan sebaliknya syarat-syarat yang terkandung padanya diutamakan. Paling jelas dalam konteks ini ialah nilai ketaatsetiaan yang hanya diterima secara bersyarat. Orang Melayu bandar tidak menerima konsep taatsetia mutlak terhadap pemerintah. Taatsetia hanya relevan sekiranya syarat pada nilai itu dipenuhi terlebih dahulu.

Ditinjau dari segi sejarah, nilai ini kembali menepati kehendak *waadat* yang terbentuk dalam sejarah politik Melayu sepertimana telah digambarkan dalam *Sejarah Melayu*. Ia menolak bentuk taatsetia yang dipaparkan dalam kisah Hang Tuah di mana ketaatsetiaan seperti yang tergambar pada kisah tersebut telah dikupas oleh ramai sarjana sebagai manifestasi kewujudan sistem feudalisme dalam masyarakat Melayu. Ketaatsetiaan terhadap pemerintah (Raja) adalah mutlak sifatnya jika dirujuk pada konsep yang terkandung dalam kisah Hang Tuah. Dalam konteks politik semasa, sesuatu tindakan yang dibuat oleh pemerintah yang melanggar tuntutan *waadat* itu

pastinya mengundang masalah. Ini dijemakan dalam bentuk protes sepertimana telah dizahirkan selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim pada September 1998. Sehubungan dengan itu senario ini juga bermakna bahawa amalan dan fahaman feudalisme yang bersifat tradisional seperti yang digambarkan dalam kisah Hang Tuah ditolak oleh orang Melayu pada masa ini.

Tegasnya kajian ini telah mendapati bahawa ketaatsetiaan bukan lagi diutamakan apabila terjadi pelanggaran pada syarat nilai itu sendiri. Secara tidak langsung sokongan yang diperolehi UMNO dalam pilihan raya - pilihan raya sebelum daripada 1999 mungkin kerana penegasan pada ketaatsetiaan adalah lebih jelas kerana tiada krisis yang menyentuh syarat pada nilai tersebut. Krisis politik yang terjadi selepas September 1998 pula secara jelas merupakan manifestasi daripada kegagalan di pihak kerajaan dan UMNO untuk memastikan syarat pada nilai dipenuhi - tindakan-tindakan terhadap Anwar secara langsung membuka ruang untuk syarat ditekankan dan nilai diketepikan. Selain ketaatsetiaan keadaan yang sama terjadi pada nilai budi dibalas budi yang akan dihuraikan di bawah nanti. Selain itu nilai lain yang turut dipertegaskan lagi ialah agama dan keadilan. Nilai-nilai ini juga mempunyai kesan besar ke atas anjakan sokongan yang tersebut di atas.

Agama dan keadilan telah berperanan sebagai nilai-nilai utama dalam menggerakkan masyarakat Melayu menerusi satu gelombang penentangan yang jelas diperlihatkan walaupun selepas pilihan raya umum 1999. Sementara itu bagi menjawab kejutan yang diterima oleh UMNO khususnya, penelitian wajar dibuat terhadap taatsetia dan budi dibalas budi atau dalam ertikata lain apakah maksud yang diberi kepada kedua-dua nilai ini. Harapan pihak pemerintah bahawa orang Melayu akan memberi sokongan

padu kepadanya meleset kerana harapan itu bergantung pada nilai-nilai taatsetia dan budi dibalas budi tadi. Sebaliknya apabila ketaatsetiaan diketepikan dan budi diberi pengertian yang menekankan syaratnya tiada sebab kenapa UMNO dan parti pemerintah tidak kecundang waktu itu.

Siri penentangan atau protes yang tercetus sejak 4 September 1998 merupakan manifestasi nilai-nilai tadi sama ada kerana nilai itu sendiri telah menjadi lemah seperti ketaatsetiaan, mendapat makna baru seperti hutang budi, ataupun ia dipertegaskan lagi seperti agama dan keadilan. Sementara itu kefahaman yang tepat mengenai nilai-nilai lain seperti keperluan terhadap kemajuan dan keselesaan, keperluan kepada kepimpinan terbaik dan aktivisme politik menjadi kritikal pada waktu itu. Oleh kerana nilai-nilai ini dianggap sebagai pendorong kepada orang Melayu untuk menyokong UMNO, sedangkan hakikatnya nilai-nilai ini juga menekankan supaya syarat-syarat didalamnya dipatuhi, menyebabkan orang Melayu mula menjauhkan diri daripada UMNO walaupun mereka sangat memerlukan kemajuan dan keselesaan, mahu aktif dalam politik kepartaian dan mengharapkan kepimpinan yang terbaik bagi mereka.

Ini memberi implikasi bahawa UMNO tidak boleh bergantung kepada nilai 'keperluan' iaitu keperluan kepada kemajuan dan keselesaan lalu bertindak memenuhi tuntutan walaupun pada masa yang sama ia (UMNO) dilihat sebagai bergelumang dengan pelbagai angkara skandal atau rasuah serta penyelewengan. Keperluan kepada kemajuan dan keselesaan tetap diutamakan tetapi tidaklah sampai kepada pengabaian terhadap syaratnya iaitu pemberi atau penyumbangnyanya juga perlu 'bersih' daripada gejala-gejala negatif yang disebutkan di atas tadi. Ia bermakna dorongan untuk bersama dengan UMNO kerana nilai-nilai tadi bukan sesuatu yang



semulajadi sifatnya. Nilai-nilai ini juga mempunyai syarat-syaratnya iaitu tidak terlibat dengan rasuah, salah laku dan perbuatan negatif lain. Syarat-syarat ini tidak mungkin diketepikan semata-mata hendak menyokong UMNO atas alasan UMNO-lah yang menjadi sumber kepada keselesaan dan kemajuan. Sekali lagi nilai-nilai ini menjadi lemah apabila terjadi pelanggaran pada syarat-syaratnya

Satu lagi aspek yang ditekankan ialah keperluan kepada kepimpinan yang ideal. Kepimpinan yang ideal (terbaik) juga mempunyai syarat-syaratnya. Bagi nilai ini seseorang pemimpin yang ideal diperhatikan pada beberapa sifat atau ciri yang mungkin dianggap wajib ada pada dirinya. Dalam konteks kajian, penekanan pada nilai ini menjadikan kelayakan pemimpin UMNO dipersoal kerana mereka dianggap tidak menepati kehendak nilai tersebut. Kepimpinan yang terbaik menuntut supaya seseorang pemimpin itu ialah pemimpin yang bersih daripada rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa. Seperkara lagi ialah nilai ini berkait rapat dengan nilai keperluan kepada keselesaan dan kemajuan. Sementara kepeimpinan yang terbaik melihat ciri-ciri pada individu yang bergelar pemimpin, keperluan kepada keselesaan dan kemajuan melihat pada amalan-amalan negatif yang merosakkan hubungan antara penerima (individu Melayu) dengan pemberi (pemimpin, parti politik iaitu UMNO dan kerajaan).

Walaupun isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berkemungkinan hasil daripada persepsi yang dibentuk berasaskan kisah-kisah yang tersebar luas, namun ia mempunyai kesan pada masyarakat dalam menanggapi persoalan tentang jenis kepimpinan yang sedia ada. Oleh itu persepsi bahawa pemimpin UMNO terlibat dengan perlakuan-perlakuan seperti itu menjejaskan sokongan terhadap parti itu sendiri - dan dalam kajian didapati persepsi ini memang kuat di kalangan masyarakat

yang dikaji - hasil nilai yang menuntut supaya seseorang pemimpin itu mestilah pemimpin yang baik. Pemimpin yang baik bukan sahaja berkebolehan tetapi juga mestilah 'bersih'. Selain daripada itu seseorang pemimpin juga tidak boleh dilihat sebagai mempunyai sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat kepimpinan yang lazimnya dianggap sebagai yang terbaik. Ia bererti pemimpin itu tidak boleh bersifat 'autokratik' atau keras. Sungguhpun begitu kajian mendapati bahawa sifat ini - sifat autokratik - dilihat sebagai wujud pada pemimpin tertinggi UMNO dan kerajaan, oleh itu menyumbang kepada kemerosotan sokongan terhadap UMNO.

Nilai lain yang turut mendapat perhatian ialah hutang budi. Nilai ini juga mempunyai syaratnya di mana budi diertikan sebagai sesuatu perbuatan baik atau pemberian yang mana ia mestilah dilakukan secara ikhlas. Dalam konteks politiknya, khususnya politik pembangunan, apa sahaja yang ditabur - dalam bentuk projek pembangunan dan kemudahan - mestilah ditabur secara ikhlas. Rakyat (orang Melayu) tidak terhutang budi hanya kerana pemerintah, atau kerajaan - yang diwakili oleh UMNO - melaksanakan pelbagai projek untuk kemudahan mereka. Malah semua projek pembangunan dan kemudahan tidak dilihat sebagai budi kerajaan. Pendirian seperti ini dalam konteks politiknya merupakan satu anjakan jelas kepada konsep budi. Oleh kerana terjadi anjakan tersebut, sokongan yang diharapkan oleh UMNO kerana melaksanakan projek-projek pembangunan tidak lagi dianggap sebagai sokongan yang mesti diberikan - ia bukan bersifat semulajadi. Nilai budi telah berubah maknanya kerana penekanan yang diberikan ialah pada syaratnya - iaitu ikhlas.

Sementara nilai-nilai di atas tadi lebih menekankan aspek syarat yang terkandung padanya, nilai agama dan keadilan pula menjadi dominan dalam menentukan

tindakan pasca September 1998. Agama misalnya menjadi amat penting sekali kerana tuduhan yang dikenakan terhadap Anwar merupakan tuduhan-tuduhan yang bersangkutan dengan perlakuan yang bertentangan dengan agama - iaitu salahlaku seks, perbuatan liwat dan rasuah. Dari sudut yang lain pula, cara tuduhan-tuduhan ini disebarkan dalam media massa juga dilihat sebagai bertentangan dengan nilai agama.

Ini kerana perbuatan salah yang membawa aib seperti yang didakwa itu, tidak wajar digembar-gemburkan. Boleh dikatakan hampir kesemua isu yang dibangkitkan bagi mengenakan tindakan ke atas Anwar termasuk tindakan fizikal ke atas beliau dilihat dari kacamata agama. Kewajaran atau ketidak wajaran tindakan ke atas Anwar disertai serangan media ke atas beliau turut dilihat sebagai amat mengaibkan dan tidak sesuai dari segi amalan agama. Malah imej Anwar sendiri sebagai ikon Islam dianggap telah tercemar akibat daripada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu.

Nilai agama juga dikaitkan dengan tindakan yang diambil untuk mendakwa Anwar di mahkamah. Oleh kerana tuduhan terhadap beliau berkaitan dengan salah laku seks, pada pandangan rakyat, khususnya orang Melayu-Islam, beliau harus dibicarakan di Mahkamah Syariah, bukan di Mahkamah Sivil. Persepsi ini juga menunjukkan betapa nilai agama sangat diutamakan. Oleh itu tindakan-tindakan yang dilihat sebagai membelakangkan agama oleh pemerintah ( iaitu UMNO dalam hal ini), telah membawa kepada perpindahan sokongan daripada UMNO kepada parti-parti pembangkang. Malah dalam konteks persaingan UMNO-PAS seperti yang telah dihuraikan dalam kajian ini, peristiwa ini telah memberi kelebihan kepada PAS dan menjejaskan imej UMNO, justeru itu menyebabkan sokongan atas sebab agama turut berpindah. PAS mendapat faedah politik kerana pengabaian nilai agama oleh kerajaan

dan UMNO.

Secara umumnya persepsi orang Melayu terhadap keperluan nilai agama dalam negara adalah agak tinggi. Ini ditunjukkan menerusi sokongan mereka kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam iaitu hudud. Begitu juga kesediaan mereka untuk menerima kewujudan Negara Islam. Oleh kerana nilai agama sudah termaktub dalam sistem nilai orang Melayu sebagai satu nilai utama atau nilai teras dan mana-mana tindakan atau amalan yang menyeleweng daripada nilai tersebut akan mengundang reaksi sewajarnya. Apa yang terjadi pada Anwar turut dilihat sebagai satu kes yang melibatkan persoalan nilai agama.

Mengenai keadilan pula adalah jelas bahawa peristiwa ini juga dilihat sebagai satu isu keadilan yang sangat penting. Oleh kerana nilai keadilan sangat diutamakan malah menjadi sebahagian daripada tuntutan Islam, segala tindakan ke atas Anwar telah dijadikan sebagai isu mengenai keadilan dan kezaliman. Pada tanggapan masyarakat, Anwar telah dizalimi, bukan sahaja kerana dipecat tetapi juga kerana tuduhan-tuduhan yang dikenakan ke atas beliau disusuli kekerasan fizikal ke atasnya semasa dalam tahanan pada 20 September 1998. Kajian telah mendapati bahawa keadilan telah menjadi begitu kritikal dalam menentukan pilihan bagi rakyat, khususnya orang Melayu. Apa yang menarik ialah kerana nilai keadilan itu jugalah usaha-usaha dibuat oleh pelbagai kelompok atau kumpulan dalam masyarakat bagi 'menuntut keadilan'.

Penubuhan pelbagai badan seperti GERAK, GAGASAN dan ADIL merupakan usaha ke arah merealisasikan keadilan terutama keadilan untuk Anwar, tetapi

juga keadilan dalam aspek agihan kekayaan negara yang dilihat sebagai dimonopoli oleh elit yang berkuasa sehingga menimbulkan dakwaan-dakwaan pilih kasih dalam agihan tersebut kepada kaum keluarga (nepotisme) dan rakan karib (kronisme). Malah kelahiran gerakan reformasi dilihat juga sebagai manifestasi konkrit kepada persoalan keadilan di mana gerakan tersebut menjadikan keadilan sebagai tema utama tuntutan dan perjuangannya.

Dua nilai lain didapati menjadi lemah iaitu tradisionalisme dan UMNO sebagai parti yang perlu untuk menjamin keselamatan dan survival orang Melayu. Kedua-dua nilai ini dikaitkan secara langsung dengan UMNO. Tradisionalisme menjadi elemen penting dalam UMNO, sama ada kerana ia menjadi unsur yang diperjuangkan oleh UMNO dari segi amalan-amalan tradisional dalam budaya Melayu ataupun kerana amalan-amalan dalam parti itu sendiri yang mendukung tradisionalisme atau tradisi yang dikekalkan seperti dalam soal pemilihan pemimpin. Umpamanya, cara pemimpin dipilih yang tidak memungkinan perubahan kepada kepimpinan tertinggi parti tersebut. Apabila nilai ini menjadi lemah ia memberi implikasi bahawa UMNO sendiri hilang sokongan antara lain kerana mengamalkan tradisionalisme dalam parti tersebut.

Oleh kerana kedudukan UMNO tidak dilihat sebagai kritikal bagi keselamatan dan survival orang Melayu, tidak ada sebab kenapa perpindahan sokongan daripada parti itu kepada parti lain tidak boleh terjadi. Kajian telah mendapati bahawa orang Melayu tidak meletakkan UMNO pada kedudukan kritikal sehingga ia mesti disokong lantaran ia disamakan dengan persoalan mendapatkan keselamatan dan menjamin survival mereka. Oleh itu usaha untuk mendapatkan sokongan atas isu keselamatan Melayu dan survival Melayu - termasuk dalam apa yang disebut sebagai

agenda Melayu - tidak begitu berkesan. UMNO sebagai satu nilai barangkali lebih berkesan dan diterima sebelum ini kerana dikaitkan juga dengan budi yang ditabur oleh parti tersebut. Namun perpindahan sokongan menjadi bukti bahawa peranan UMNO dalam perkara ini sudah menjadi perkiraan yang lemah. Oleh itu ia bermakna nilai ini juga menjadi lemah, justeru itu membawa kepada natijah yang sudah diramalkan - peralihan sokongan kepada parti lain.

Nilai-nilai yang dipastikan dalam kajian ini juga berkait langsung dengan tindakan-tindakan yang menjadi sebahagian daripada penjelmaan 'perubahan' atau 'anjakan sokongan' yang menjadi perhatian kajian ini. Secara tegas kajian ini tidak melihat apa yang terjadi pasca September 1998 sebagai satu 'perubahan' dalam erti kata yang sebenar disebabkan ia bukan menjadi objektif kajian ini. 'Perubahan' hanya dilihat dalam konteks berubahnya keputusan pilihan raya pada tahun 1999 berbanding pilihan raya yang lepas pada tahun 1995. Selepas pemecatan Anwar sehingga pada tarikh pilihan raya pelbagai tindakan penentangan telah diambil oleh rakyat khususnya orang Melayu. Tindakan-tindakan ini adalah cetus daripada nilai-nilai tadi. Kesemua tindakan itu akhirnya menjadi satu gelombang penentangan yang berterusan terhadap pemerintah dan juga UMNO. Kemuncaknya ialah pembuangan undi pada pilihan raya yang menyusul selepas itu.

Penentangan yang dilakukan oleh rakyat, yang majoritinya orang Melayu, merupakan manifestasi jelas pada nilai-nilai yang dipegang itu. Apa yang telah dijelaskan di atas tadi mengenai transformasi nilai kepada bentuk-bentuk baru yang menekankan aspek syarat-syaratnya, mahu pun pengunduran nilai-nilai lain dan penegasan sebahagian yang lain pula memberi kesan kepada sokongan terhadap

pemerintah. Ia turut memungkinkannya satu penentangan berterusan terhadapnya dijalankan. Ini telah dizahirkan dengan penubuhan beberapa badan separa formal di samping kelahiran gerakan reformasi itu sendiri. Tindakan penentangan yang berterusan dalam pelbagai bentuk juga merupakan kenyataan kepada nilai-nilai yang dipegang. Malah gerakan penentangan yang melibatkan pelbagai jenis protes dan tindakan lain adalah hasil nilai-nilai yang dipegang.

Kajian ini juga menunjukkan betapa terkejutnya kedudukan UMNO sedangkan pembangkang pula menyerlah selepas September 1998. Prestasi UMNO yang buruk itu bukan sahaja kerana peristiwa pemecatan Anwar, tetapi juga cara ia menangani penentangan yang terjadi selepas itu. Keengganan pemimpin tertinggi UMNO untuk menerima kenyataan bahawa kemerosotan pengaruh dan kedudukan UMNO adalah disebabkan tindakan yang melanggar tatasusila Melayu - dalam konteks ini budaya politik Melayu itu sendiri - telah membawa padah yang sangat dahsyat pada parti tersebut. Beberapa sarjana telah menegaskan mengenai perkara yang sama di mana pengabaian pada 'cara Melayu' (*the Malay way*) itu sendiri menjadi isu pokok dalam penentangan yang dilakukan oleh rakyat. 'Cara Melayu' ini menyentuh persoalan mengenai budaya iaitu apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak.

Rumusan penting di sini ialah peralihan sokongan daripada UMNO kepada parti-parti lain yang dijelmakan dalam pilihan raya umum 1999 di samping gerakan-gerakan penentangan terhadap kerajaan dan UMNO merupakan manifestasi budaya politik orang Melayu bandar yang dilihat pada nilai-nilai yang dipegang. Punca kepada peralihan sokongan ini ialah peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO. Nilai-nilai yang dipegang telah melalui satu transformasi dalam

erti kata ia tidak lagi dipegang secara mutlak sebaliknya penekanan diberi kepada syarat yang terkandung pada nilai-nilai tersebut. Ini menyebabkan sebahagian nilai tersebut menjadi lemah dan tidak diutamakan dalam mempengaruhi pilihan atau tindakan. Sementara itu yang lebih ketara ialah penegasan semula nilai-nilai lain - agama dan keadilan - yang menyebabkan pelanggaran pada nilai-nilai ini membawa kepada kesan yang amat buruk kepada pihak yang terbabit - dalam kajian ini, UMNO.

Kedua, UMNO sendiri telah membuat perhitungan yang kurang bijaksana apabila parti tersebut masih bersandar pada pengertian asal nilai-nilai yang dipegang oleh orang Melayu khususnya nilai taatsetia, keperluan kepada keselesaan dan kemajuan, UMNO sebagai parti (wadah) yang diperlukan untuk keselamatan dan survival orang Melayu dan hutang budi. Oleh kerana pengertian nilai-nilai ini telah berubah sepertimana yang dijelaskan di atas sandaran sedemikian hanya merugikan parti tersebut. Ia juga bermakna parti politik yang ingin mendapatkan sokongan orang Melayu perlu memahami apa sebenarnya menjadi nilai yang dipegang oleh masyarakat tersebut. Kegagalan memahami maksud sebenar nilai akan membawa kepada kemerosotan sokongan malah pelanggaran pada nilai-nilai juga memberikan kesan yang buruk pada prestasi parti berkenaan sepertimana terbukti dalam kajian ini. Selain itu pelanggaran terhadap nilai-nilai ini juga telah memungkinkan penentangan terhadap pemerintah - penentangan yang dizahirkan akibat daripada layanan yang diberi kepada seorang tokoh Melayu selepas beliau dijatuhkan sedemikian rupa.

Pendek kata kajian ini bukan bertujuan untuk melihat perubahan dalam budaya politik secara khusus, ia hanya memaparkan transformasi yang berlaku terhadap budaya tersebut kerana penekanan yang berubah terhadap nilai-nilai yang memandu



tindakan dan pilihan. Nilai-nilai ini terus terdapat dalam budaya masyarakat tetapi tidak lagi diutamakan kerana syarat pada nilai lebih diutamakan.

Kajian juga mengembangkan peranan nilai dengan melihat fenomena lain yang berkait rapat dengan anjakan sokongan daripada UMNO. Nilai bukan sahaja memberi kesan kepada keputusan pilihan raya tetapi juga pada tindakan-tindakan lain yang merupakan manifestasi kepada perasaan marah yang tercetus selepas Anwar dipecat. Malah perasaan marah itu sendiri merupakan manifestasi nilai-nilai tersebut yang dianggap telah diketepikan.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian di sini ialah mengenai beberapa angkubah yang mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian. Sekiranya dilihat pada sampel kajian, dalam kebanyakan persoalan yang menyentuh nilai ketaasetaian, budi dibalas budi, UMNO untuk keselamatan dan survival Melayu, keperluan kepada kemajuan dan keselesaan, agama, keadilan dan kepimpinan terbaik, terdapat pola jelas yang menunjukkan betapa generasi muda lebih cenderung untuk tidak menyetujui pemerintah ataupun tidak cenderung untuk menyokong parti pemerintah. Begitu juga bagi angkubah lain seperti tahap pendidikan, jantina dan jenis pekerjaan.

Mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi lebih cenderung untuk membantah apa yang dilakukan oleh pemerintah dan kurang menyetujui supaya diberi ketaasetaian kepadanya. Begitu juga dengan penafsiran terhadap konsep seperti budi yang lebih menekankan syaratnya juga. Kajian telah menunjukkan bahawa mereka yang muda, profesional dan mempunyai pendidikan formal ke tahap ijazah pertama pada umumnya lebih cenderung untuk beralih sokongan kepada parti-parti lain

pembuangan undi dalam pilihan raya 1999. Penentangan orang Melayu adalah penentangan golongan lemah, oleh itu senjata yang digunakan dikategorikan sebagai senjata golongan lemah. Senjata paling ampuh dalam penentangan ini sebagai manifestasi budaya politik ialah undi.

Kajian ini tidak melihat persoalan mengenai perubahan budaya politik. Apa pun ramalan atau pandangan mengenai ini memerlukan kajian lain supaya persoalan mengenai perubahan budaya politik dijawab dengan tepat. Persoalan ini adalah di luar skop kajian ini. Cuma tinjauan susulan pada awal 2003 menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara dalam senario yang wujud sebelum itu berdasarkan maklumbalas responden utama.

### **Penutup dan Epilog**

Sebagai penutup analisis kajian ini mendapati bahawa krisis politik yang tercetus selepas seorang pemimpin kerajaan dan pemimpin utama UMNO - Dato Seri Anwar Ibrahim - disingkir daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO telah menimbulkan satu pergolakan besar dalam politik orang Melayu. Penelitian terhadap pergolakan tersebut menunjukkan bahawa ia berkait langsung dengan budaya politik masyarakat itu sendiri.

Tanggapan dan andaian yang salah terhadap sistem nilai orang Melayu telah menyebabkan UMNO menghadapi saat paling getir dalam sejarahnya dan terpaksa melalui satu proses kemerosotan pengaruh yang tidak pernah dilaluinya. Hasil daripada itu UMNO hilang sokongan orang Melayu terutama orang Melayu bandar. Tindakan yang dianggap sebagai 'bukan cara Melayu' atau 'bukan menurut tatasusila Melayu'

telah menyebabkan UMNO kecundang dalam pilihan raya selain membangkitkan satu gelombang penentangan terhadapnya termasuk terhadap pemimpin utamanya. Ketidaprihatinan pucuk pimpinan UMNO dalam menangani isu Anwar sehingga melanggar susila budaya Melayu telah memberi pengajaran yang pahit pada parti tersebut. Reformasi dalaman dilakukan bagi memulihkan imej dan menarik kembali sokongan tetapi kejayaan ini bergantung kepada faktor budaya politik juga.

Bukan sahaja prestasi UMNO bergantung pada budaya politik orang Melayu, malah prestasi semua parti politik berasaskan etnik Melayu-Islam juga dipengaruhi oleh faktor yang sama. Oleh itu kajian ini menekankan peri pentingnya diberi perhatian khusus kepada persoalan budaya politik masyarakat dalam merangka jawapan kepada perkembangan-perkembangan politik yang terjadi terutama apabila masyarakat berkenaan berhadapan dengan krisis politik sepertimana telah disaksikan lewat tahun 1998.

Kajian ini telah mengemukakan satu gagasan nilai dalam budaya politik bagi menjawab anjakan sokongan orang Melayu bandar daripada UMNO kepada parti pembangkang. Perubahan yang diperhatikan pada pilihan raya umum 1999 adalah amat jelas sekali namun ia juga menimbulkan satu persoalan yang cukup kritikal untuk dijawab, iaitu apakah perubahan ini sesuatu yang kekal atau hanya bersifat sementara? Kajian ini tidak menyentuh persoalan tersebut kerana ia berada di luar skopnya namun ia mencadangkan supaya kajian susulan dibuat selepas ini untuk menjawab persoalan tersebut.

Pilihan raya umum berikutnya telah diadakan pada 21 Mac 2004. Kali ini

prestasi UMNO nampaknya kembali pulih apabila UMNO berjaya merampas semula Terengganu, menewaskan PAS di beberapa kerusi lain di seluruh negara dan hampir menguasai semula Kelantan. Walaupun ini menunjukkan bahawa 'perubahan' yang disaksikan pada pilihan raya umum 1999 adalah bersifat sementara dan menjelaskan betapa 'perubahan' tersebut adalah satu tanda protes yang jelas, namun ia tidak menolak kemungkinan bahawa budaya politik itu juga yang menyebabkan 'perubahan' kali ini terjadi dengan peralihan sokongan orang Melayu kembali menyokong UMNO.

Beberapa perkembangan sejak awal 2000 barang kali boleh menjawab kenapa 'perubahan' ini terjadi. Sejak mengalami 'kekalahan' pada 1999, UMNO sendiri telah melalui satu transformasi dalaman yang penting - satu pereka yasaan (re-engineering) yang memungkinkan sokongan orang Melayu dipulihkan. Ahli UMNO mula kembali bergiat dalam aktiviti-aktiviti parti dan cawangan-cawangan kembali aktif. Sebagai langkah penting pemulihan, satu sayap baru diwujudkan, iaitu Puteri UMNO, bertujuan untuk menarik kembali sokongan generasi muda terhadap parti tersebut.

Faktor yang tidak kurang penting ialah pengumuman pengunduran diri daripada jawatan kerajaan dan parti oleh Dr Mahathir pada perhimpunan agung UMNO, 2002. Ini memberikan kesan penting terhadap persepsi orang Melayu mengenai kepimpinan UMNO yang bakal menerajui parti itu. Lagi pun pengumuman Dato Seri Abdullah Badawi sebagai pengganti Mahathir mempunyai kesan dari segi nilai kepimpinan yang dipegang oleh orang Melayu - nilai-nilai agama dan kepimpinan yang terbaik. Imej Abdullah adalah sebagai seorang yang Islamik, bersih dan berperibadi sederhana. Di samping itu ialah gambaran tentang kerajaan ketika itu setelah diambil alih oleh Abdullah pada November 2003 - kerajaan yang berusaha untuk membanteras

rasuah dan penampilan imej keterbukaan dan ketelusan. Kesemua tindakan ini menunjukkan betapa nilai-nilai yang diutamakan oleh orang Melayu secara amnya telah diberi perhatian.

Di pihak pembangkang pula, khususnya PAS, budaya politik juga boleh menjawab kenapa sokongan yang diharapkan itu tidak menjadi kenyataan. Antara lain ialah persoalan mengenai bagaimana PAS melihat dan menangani kepimpinan Abdullah. Ini kerana orang Melayu mempunyai mungkin telah ada persepsi bahawa kepimpinan Abdullah adalah yang terbaik, berdasarkan imej keagamaan dan watak kesederhanaan beliau. Dalam konteks tersebut tindakan yang salah di pihak PAS boleh membawa natijah yang sama seperti yang dialami UMNO pada. Bagi mengesahkan peranan budaya politik tersebut, kajian lain mungkin dapat menjelaskan sejauh mana budaya tersebut menjadi penyebab kepada 'perubahan' yang ditunjukkan oleh orang Melayu, termasuk orang Melayu bandar seperti di Shah Alam.